

Politik Pilihan Raya: Dinamika UMNO Kelantan 1974 -2013

Electoral Politic : The Dynamics of Kelantan UMNO 1974 – 2013

AZIAWATI ZAKARIA* & JAMAIE HJ HAMIL

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author : aziawati86@gmail.com

Received: 29 May 2024 Accepted: 05 March 2025

Abstrak

Parti PAS dan UMNO merupakan dua parti yang mendominasi fahaman politik masyarakat Kelantan. Pilihan raya tahun 1959 iaitu pilihan raya pertama negara setelah mencapai kemerdekaan telah membuka peluang kepada PAS di Kelantan apabila berjaya menubuhkan kerajaan negeri dengan memenangi 28 kerusi DUN daripada 30 kerusi yang dipertandingkan. Bermula dari pilihan raya tersebut PAS telah memerintah negeri Kelantan selama 19 tahun sehingga tahun 1978 dan selepas itu UMNO berjaya mengambil alih kuasa memerintah kerajaan negeri Kelantan apabila berlakunya krisis kepercayaan kepada Menteri Besar dan juga permasalahan dalaman parti PAS. Krisis perpecahan dalaman UMNO mula berlaku dan semakin getir apabila Tengku Razaleigh telah bertindak menubuhkan parti baru iaitu parti Semangat 46 (S46) selepas pengharaman UMNO pada 4 Februari 1988. Kesan dari perpecahan pemimpin UMNO tersebut telah menyebabkan UMNO gagal meneruskan kuasa mentadbir kerajaan negeri Kelantan apabila kalah dalam Pilihan Raya Umum 1990. Kekalahan UMNO Kelantan berterusan sehingga Pilihan Raya Umum tahun 2013. Selama 23 tahun negeri Kelantan berada di bawah pentadbiran parti PAS dan pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap UMNO di Kelantan namun semuanya gagal. Kajian ini akan menyingkap kekuatan dan kelemahan UMNO bermula dari tahun 1974 sehingga tahun 2013 kerana dalam tempoh masa ini UMNO pernah menang dan juga kalah di Kelantan. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti faktor tolakan dan tarikan kegagalan UMNO dalam mengambil alih negeri Kelantan dari pentadbiran PAS. Negeri Kelantan telah berada dalam dua pemerintahan kerajaan berbeza dan sudah semestinya setiap perubahan yang berlaku didorong oleh faktor utama iaitu kepimpinan yang tidak diabsahkan (legitimasi) oleh rakyat Kelantan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian yang bersifat kualitatif dengan mendapatkan sumber kepustakaan dan menemubual beberapa orang tokoh penting dalam UMNO Kelantan. Dapatan kajian yang dilakukan ini telah mengetengahkan bahawa faktor kepimpinan memainkan peranan yang penting dalam menentukan kepimpinan dalam pembentukan kerajaan negeri di Kelantan.

Kata kunci: Pilihan Raya; Kepimpinan; Legitimasi; UMNO; PAS

Abstract

PAS and UMNO are the two political parties that dominate the Kelantan society. The 1959 election, the country's first election after independence, opened up opportunities for PAS in Kelantan when it successfully formed the state government by winning 28 state seats out of the 30 seats contested.

Starting from the election, PAS ruled Kelantan for 19 years until 1978 and after that UMNO succeeded in taking over the power to govern the Kelantan state government when there was a crisis of confidence in the Menteri Besar and also PAS ' internal problems. The crisis of UMNO internal divisions began to occur and became increasingly bitter when Tengku Razaleigh acted to establish a new party, namely parti Semangat 46 (S46) after the ban of UMNO on February 4, 1988. The impact of the split of UMNO leaders caused UMNO to fail to continue the power to administer the Kelantan state government when it lost the 1990 general election. UMNO's defeat in Kelantan continued until the 2013 general election. For 23 years Kelantan has been under the PAS administration and various efforts have been made to restore the people's confidence in UMNO in Kelantan but all failed. This study will reveal the strengths and weaknesses of UMNO from 1974 to 2013 because during this period UMNO had won and lost in Kelantan. The purpose of this study is to identify the push and pull factors of UMNO's failure in taking over the state of Kelantan from the PAS administration. The state of Kelantan has been in two different governments and of course every change that occurs is driven by a major factor; namely the leadership that is not legitimized (legitimacy) by the people of Kelantan. This study uses a qualitative research methodology by obtaining library sources and interviewing several important figures in Kelantan UMNO. The findings of this study have highlighted that leadership factors play an important role in determining leadership in the formation of the state government in Kelantan.

Keywords: Election; Leadership; Legitimacy; UMNO; PAS

Pengenalan

Negeri Kelantan terletak di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Keluasannya meliputi 1,502, 621 hektar dan mempunyai 10 buah jajahan/daerah dengan jajahan Gua Musang paling besar iaitu 817,595 hektar dan jajahan Tumpat dengan keluasan paling kecil iaitu 17,725 hektar. Secara umumnya kawasan di Kelantan terbahagi kepada dua iaitu Wilayah Utara dan Wilayah Selatan. Wilayah Utara merangkumi tujuh jajahan pentadbiran iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Machang dan Tanah Merah. Sementara Wilayah Selatan terdiri daripada tiga jajahan meliputi Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang¹

Kelantan telah menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 dan bersama-sama dengan negeri lain dalam mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada 16 September 1963, Kelantan menjadi salah satu daripada negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia. Kelantan Darul Naim merupakan negeri yang unik terutama dari aspek politik dan sosio-budaya masyarakatnya yang berbeza daripada negeri-negeri lain. Keunikan dan kematangan mereka dalam politik amat berkait rapat dengan struktur masyarakatnya yang homogen dan mempunyai tradisi keagamaan yang kuat.

Rakyat di negeri Kelantan memiliki sikap yang unik dalam menilai isu-isu politik yang melibatkan masyarakatnya, negerinya, dan pemimpinnya, malah terhadap rajanya. Oleh itu, politik Kelantan sentiasa panas. Kerajaan yang bermula dengan PAS bertukar kepada Barisan Nasional dan kini kembali semula kepada PAS. Semenjak penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946, UMNO Kelantan tidak pernah berkongsi sejarah yang sama dengan UMNO di negeri-negeri lain di Malaysia². UMNO telah menjadi pembangkang di Kelantan selama 23 tahun pada tahun 2013 iaitu dalam enam Pilihan Raya Umum Malaysia. Hal ini juga merujuk kepada Kelantan merupakan negeri pertama dalam Persekutuan Malaya yang terlepas ke tangan PAS dalam Pilihan Raya Umum 1959. Malah pada suatu ketika dulu juga UMNO Kelantan pernah mencatatkan sejarah tersendiri apabila telah terkubur buat seketika pada awal tahun 1950-an dan tahun 1990. Mengikut catatan sejarah, Kelantan adalah negeri

yang pertama dan paling lama berada dibawah kepimpinan PAS. Oleh kerana keunikan ini, maka Kelantan seringkali menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji politik mengkaji tentang dinamika politik masyarakatnya.

Dalam penulisan ini akan menggariskan analisis keputusan Pilihan Raya Umum 1974 sehingga Pilihan Raya Umum 2013 disamping mencari faktor-faktor kemenangan dan juga kekalahan UMNO di Kelantan. Analisis yang dilakukan ini bertujuan untuk melihat hubungkait antara faktor kepimpinan dan legitimasi politik yang mempengaruhi penolakan rakyat mahupun pengundi terhadap UMNO Kelantan.

Kerangka Teoritik

Dalam menganalisis keputusan pilihan raya tahun 1974 sehingga 2013 teori utama yang terlibat iaitu teori kepimpinan dan juga konsep legitimasi politik. Faktor kepimpinan dilihat menjadi faktor utama penolakan rakyat terhadap UMNO Kelantan manakala teori legitimasi politik akan memberi gambaran dan menyokong faktor kepimpinan tersebut. John C.Maxwell³ dalam tulisan beliau yang bertajuk “*Developing the leader within you*” menjelaskan bahawa kepimpinan merujuk kepada satu proses dalam mempengaruhi kegiatan atau aktiviti yang dilakukan oleh individu bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Seorang pemimpin akan mempengaruhi pengikutnya bagi mencapai matlamat kerja samada untuk organisasi mahupun kumpulan. Perlakuan ahli kumpulan akan dipengaruhi oleh pemimpin yang memimpin kumpulan tersebut. Ramai diantara pengkaji mendefinisikan kepimpinan berdasarkan perspektif masing-masing serta berasaskan aspek fenomena yang paling menarik bagi mereka⁴. Dalam kehidupan bermasyarakat, misalnya dalam sekelompok sosial terdapat salah seorang dari anggota kelompok yang akan dilantik sebagai ketua dan kepadanya diberikan tanggungjawab secara tidak langsung untuk menyusun atur kelompok berkenaan⁵. Fiedler⁶ mendefinisikan kepimpinan adalah usaha ke arah pengaruh antara perseorangan di mana kuasa dan pengaruh diagihkan secara tidak sama rata sehingga seorang individu boleh mengarah dan mengawal tindakan-tindakan orang lain lebih daripada kawalan mereka ke atas individu tersebut. Kepimpinan wujud dalam sebuah kumpulan, kelompok atau pertubuhan dan mempunyai pertalian yang rapat dengan penggunaan kuasa, pengaruh, arahan, kewibawaan dan pengawalan. Oleh itu, kepimpinan politik secara tidak langsung akan mengaitkannya dengan fenomena kuasa. Kepimpinan merupakan suatu proses yang wujud dalam konteks sebuah organisasi yang mempunyai pemimpin dan pengikut. Maka kepimpinan politik secara langsung merujuk kepada kemampuan seseorang atau individu yang berada di suatu kedudukan yang tinggi untuk mempengaruhi atau mengarahkan orang lain membuat sesuatu sama ada positif atau negatif.⁷

Kepimpinan juga mengalami perubahan. Kewujudan kepimpinan pada zaman sekarang seperti seseorang itu mempunyai semangat sentiasa hendak berjuang kepada kesejahteraan rakyatnya, sentiasa memberi sumbangan idea yang bernas supaya mencapai kemajuan dalam sesuatu masyarakat, membantu menyelesaikan masalah atau konflik yang dihadapi oleh rakyat, mengekang ancaman-ancaman luaran dan dalaman supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan aman dan damai, memberi sokongan kepada rakyatnya atau pengikut bawahannya, dan menjaga kepentingan hak majoriti dan minoriti. Secara umumnya, kepimpinan boleh dilihat sebagai seseorang yang mempunyai ketangkasan, keberanian, kecerdasan, kecepatan mengambil keputusan dan sebagainya.⁸

Menurut Mohd Ali Kamarudin dalam buku tulisan beliau yang bertajuk “Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu UMNO Kelantan 1946-1990” menjelaskan bahawa konsep kepimpinan terutama dalam politik ialah melibatkan fenomena kuasa iaitu ianya merupakan suatu keadaan apabila wujud pemimpin dan pengikut dalam sebuah organisasi manakala kuasa pula merupakan *prima facie*⁹.

Menurut Mohd Ali lagi, kepimpinan politik dalam UMNO Kelantan sejak dari awal lagi telah bermula dengan kepimpinan dari golongan bangsawan iaitu telah dimulakan oleh Tengku Panglima Raja, Tengku Ahmad Tengku Ghafar iaitu semenjak UMNO di tubuhkan pada tahun 1946-1950. Selepas Pilihan Raya Umum 1964, kepimpinan UMNO Kelantan telah beralih kepada pemimpin baru iaitu Tengku Razaleigh Hamzah yang juga turut merupakan pemimpin dari golongan bangsawan. Tengku Razaleigh telah mengambil alih peranan ketua parti ketika itu iaitu Dato' Nik Ahmed Kamil. Dalam keadaan getir ini, Tengku Razaleigh berusaha untuk merampas kembali negeri Kelantan dari kerajaan PAS. Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Ali Kamarudin ini juga turut menjelaskan bahawa kekalahan UMNO Kelantan pada tahun 1959 ialah disebabkan oleh perebutan jawatan Menteri Besar tetapi kekalahan UMNO Kelantan pada tahun 1959 dan 1964 adalah disebabkan oleh gabungan antara faktor krisis dalaman dan faktor luaran iaitu kebangkitan dan kekuatan PAS Kelantan. Oleh itu, pihak UMNO perlu menerima kenyataan bahawa dalam keadaan pemimpin UMNO di pelbagai peringkat berkrisis sesama sendiri, manakala PAS pula telah berjaya mengeksploitasikan isu-isu keagamaan dan nasionalisme Melayu.

Diawal perkembangan UMNO Kelantan parti ini dipimpin oleh golongan bangsawan bagi mengekalkan parti tersebut untuk terus bertapak di Kelantan. Bermula dengan kepimpinan Tengku Panglima Raja, Tengku Ahmad Tengku Ghafar UMNO Kelantan terus berkembang dengan jayanya. UMNO Kelantan semakin berkembang keseluruh jajahan di Kelantan yang mana setiap jajahan ini diketuai oleh golongan bangsawan yang kebiasaannya terdiri daripada Pegawai Daerah (D.O), ataupun Penolong Pegawai Daerah (A.D.O). Oleh kerana mereka terlibat dalam mengetuai UMNO maka semua pegawai atau kakitangan kerajaan yang berada dibawah mereka secara tidak langsung akan turut terlibat memberi sokongan kepada UMNO¹⁰.

Namun keadaan ini tidak berterusan begitu, selepas tahun 1950-an, keadaan berubah apabila UMNO tidak lagi menjadi saluran utama politik orang Melayu Kelantan. Tindakan Dato' Onn Jaafar iaitu bekas Yang Dipertua UMNO Malaya meninggalkan parti UMNO dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya telah memberi kesan yang besar kepada UMNO Kelantan. Sebilangan besar golongan bangsawan yang mengetuai UMNO Kelantan telah meninggalkan parti tersebut dan telah bersama Dato' Onn Jaafar dalam parti baru yang ditubuh oleh beliau. Menteri Besar Kelantan iaitu Dato' Nik Ahmed Kamil pada ketika itu juga telah turut meninggalkan UMNO dan telah bersama Dato' Onn Jaafar dalam menggerakkan Parti Kemerdekaan Malaya. Kesan dari peristiwa ini, UMNO Kelantan bukan sahaja kehilangan pemimpin malah pengikut dan jentera parti itu juga telah bersama pemimpin mereka dalam parti baru. Seseorang pemimpin dilihat mempunyai kuasa apabila mereka berada pada kedudukan yang berkuasa. Sebagai contoh pemimpin UMNO Kelantan seperti Tengku Razaleigh Hamzah, beliau dilihat mempunyai kuasa dan pengaruh disebabkan latar belakang beliau dari golongan istana dan kedudukan beliau dalam kerajaan pusat. Disebabkan oleh faktor tersebut lah walaupun beliau meninggalkan parti UMNO pada tahun 1987, beliau masih lagi mendapat sokongan dari pengikut beliau walaupun beliau telah menubuhkan parti baru S46.

Manning Nash¹¹ telah menjelaskan bahawa pergolakan politik di Kelantan melibatkan aspek kepimpinan terutama dalam kehidupan masyarakat tani dan elit. Manning Nash menjelaskan bahawa wujud pertentangan antara golongan elit baru dengan golongan elit tradisional. PAS dilihat sebagai sebuah parti yang memerintah Kelantan telah mempertahankan nilai-nilai hidup masyarakat Melayu, maka parti tersebut telah mendapat sokongan daripada elit tradisional dan sebaliknya bagi elit baru, mereka lebih senang berada di dalam parti UMNO dan menjadi pemimpin utama parti. Kajian yang dilakukan oleh Manning Nash ini hanya sekadar melihat tentang struktur masyarakat Kelantan tetapi tidak menyentuh keadaan politik UMNO di Kelantan.

Dalam kajian ini, konsep kepimpinan dapat dilihat apabila adanya pemimpin-pemimpin seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Mohd Nasir, Annuar Musa, Mustapha Mohamed, Awang Adek Husin, Hussin Ahmad, Mohamad Yaacob dan lain-lain telah memberi kesan terhadap politik negeri Kelantan. Malah faktor kepimpinan ini dilihat telah menjadi faktor utama kekalahan UMNO Kelantan dalam pilihan raya. Perubahan kepimpinan yang berlaku di Kelantan dapat dilihat akan mempengaruhi sokongan rakyat Kelantan terhadap UMNO.

Legitimasi merupakan tunggak kekuatan sesuatu pentadbiran politik terutamanya di dalam suasana peralihan kepimpinan ataupun penerusan sesuatu kepimpinan terutamanya di peringkat arus politik perdana. Kehadiran legitimasi akan membolehkan struktur kepimpinan sesebuah negara terus stabil walaupun ada cabaran serta balasan tertentu yang akan mengganggu proses pentadbiran negara. Di kalangan negara-negara membangun, Menurut Sivamurugam Pandian dalam buku tulisan beliau yang bertajuk "Legasi Mahathir" menjelaskan bahawa legitimasi ini boleh diukur melalui beberapa faktor. Faktor pertama ialah dengan melihat kepada pembentukan autoriti melalui peranan personaliti pemimpin itu sendiri. Faktor kedua pula ialah dengan menilai faktor ekonomi iaitu sejauh mana pembangunan kapitalis memerlukan sokongan dari aspek ini untuk membolehkan kerajaannya tidak diganti. Pertumbuhan ekonomi turut membolehkan sains dan teknologi berkembang lalu menjadi asas kepada sumber legitimasi yang baru. Oleh yang demikian perkembangan sains dan teknologi merupakan faktor ketiga dalam menentukan sesuatu legitimasi kepimpinan terus berlangsung. Faktor keempat pula ialah dengan melihat kepada corak aplikasi ideologi atau faktor kepercayaan yang menjadi landasan bagi sistem politik yang diamalkan untuk diteruskan. Manakala faktor yang terakhir iaitu faktor yang kelima ialah berkenaan dengan pengaruh serta keberkesanan faktor pengiktirafan antarabangsa dalam menentukan corak kepimpinan seseorang.¹²

Legitimasi politik penting untuk memastikan proses warisan kepimpinan tidak dicakari dengan insiden rusuhan, demonstrasi mahupun penggulingan kuasa. Ramai tokoh telah memberi pandangan mereka mengenai keabsahan serta menghubungkaitkan keabsahan dengan politik dunia seperti Robert A. Dahl, John Locke dan Weber. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang keabsahan tidak sempurna tanpa perbincangan pandangan Robert A. Dahl¹³ dalam perkara ini. Menurut Dahl keabsahan merupakan satu syarat yang paling asas kepada pemerintahan dan pembentukkan sebuah kerajaan. Jika tidak mempunyai keabsahan sesebuah kerajaan itu akan sering mengalami konflik dan akhirnya runtuh. Ronald Walters dalam tulisannya yang bertajuk "Legitimacy to Lead" menjelaskan bahawa kekuatan legitimasi politik kepimpinan adalah konsensus dan persetujuan. Menurut K.Ramanathan¹⁴ legitimasi secara umumnya mengikut pengertian bahasa Latin adalah bermaksud 'yang mengikut undang-undang' atau 'sah di sisi undang-undang'. Beliau menjelaskan lagi bahawa legitimasi merupakan asas kepada kuasa-kuasa kerajaan yang memberikan pengesahan dan menyediakan hak untuk memerintah serta pengiktirafan daripada orang-orang yang diperintah bahawa pemerintahan itu sah.

Keabsahan amat penting bagi sesebuah sistem politik itu untuk terus merancang agenda dan polisi awam sesebuah negara. Sebagai contoh, kerajaan Brunei mempunyai keabsahan tersendiri kerana mengamalkan sistem pemerintahan Monarki mutlak. Maka tiada siapa yang mampu mempertikaikan keputusan Sultan Brunei. Dengan adanya keabsahan ini maka pemerintah mudah melaksanakan rancangan pembangunannya dan mentadbir negara dengan aman. Keabsahan boleh juga dilihat sebagai satu bentuk kuasa di mana rakyat merelakan diri mereka diperintah oleh pemerintah tertentu.

Legitimasi juga boleh dilihat melalui krisis politik yang dilalui oleh seseorang pemimpin atau kepimpinan. Krisis-krisis yang berlaku sepanjang kepimpinan seseorang pemimpin itu telah melemahkan kepimpinan beliau tetapi dalam masa yang sama masih juga terdapat krisis yang membantu mengukuhkan atau meningkatkan sokongan masyarakat ke atas kepimpinan individu tersebut. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa legitimasi politik ini sebenarnya membolehkan ia

disesuaikan dengan definisi umum legitimasi iaitu merupakan penerimaan rakyat ke atas kepimpinan individu tersebut.

Parti politik negeri Kelantan dilihat sukar untuk diabsahkan apabila seringkali bertukar kerajaan yang memerintah. Bermula dari pilihan raya 1955 sehinggalah Pilihan Raya Umum 2013, sudah beberapa kali kerajaan negeri berubah kepimpinan dan juga parti yang memerintah negeri tersebut. Pada Pilihan Raya Umum 1959 sehingga Pilihan Raya Umum 1969, parti PAS menguasai pemerintahan kerajaan negeri Kelantan. Dalam tempoh ini beberapa perubahan kepimpinan dalam parti UMNO turut berubah bagi mencapai kemenangan dalam pilihan raya. Sehinggalah kemunculan Tengku Razaleigh Hamzah dalam arena politik UMNO Kelantan pada tahun 1971 bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1974. Kesan daripada itu, UMNO Kelantan berjaya merampas pentadbiran negeri Kelantan dari tangan PAS dan membolehkan perantikan Mohamed Nasir selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tendong dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Walaubagaimanapun situasi tenang ini bertukar menjadi buruk apabila Mohd Nasir digulingkan dalam undi tidak percaya dan membolehkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan dibubarkan pada 1978. Pilihan raya kali ini telah memperlihatkan kemenangan UMNO Kelantan sehinggalah Pilihan Raya Umum 1990.


Walaubagaimanapun, dalam tempoh itu pelbagai pertikaian dan perebutan kuasa berlaku. Ekoran dari itu, pada Pilihan Raya Umum 1990 PAS berjaya merebut kembali pentadbiran negeri Kelantan dibawah kerjasama parti Semangat 46 (S46) dan BERJASA yang membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Rentetan dari itu sehingga pilihan raya ke 13 iaitu pada tahun 2013 UMNO masih lagi tidak mampu meraih sokongan mahupun undi rakyat Kelantan untuk mentadbir negeri Kelantan walaupun pelbagai janji dan pembangunan telah diberikan untuk rakyat Kelantan. Keabsahan atau legitimasi kepimpinan dilihat menjadi punca utama penolakan rakyat terhadap UMNO di Kelantan apabila berlaku beberapa perubahan dalam kepimpinan UMNO Kelantan dan ini disertai oleh budaya rakyat Kelantan itu sendiri. Kajian ini ingin mengkaji secara lebih mendalam dan teliti tentang kewujudan krisis legitimasi dalam politik UMNO Kelantan yang disebabkan oleh faktor kepimpinan yang mana gambaran awal dapat dilihat daripada keputusan pilihan raya yang telah berlaku.

Kerangka Kajian

Hubungan antara pengundi dengan keperluan ekonomi, sosial dan politik menjurus kepada kerangka persoalan pilihan samada menyokong UMNO atau PAS di Kelantan. Dalam merungkai kerangka kajian yang dibuat ianya melibatkan konsep politik pilihan raya kerana konsep ini yang akan menentukan keabsahan parti UMNO serta penolakan rakyat terhadap UMNO. Bagi menjelaskan konsep politik pilihan raya perlu difahami terlebih dahulu demokrasi yang mana ianya akan berkaitan dengan pilihan yang akan dibuat oleh rakyat. Demokrasi merupakan satu ideologi penting yang menjadi pegangan sebahagian besar negara di dunia. Demokrasi merujuk kepada satu sistem kerajaan di mana rakyat dibenarkan untuk menyertai proses menggubal undang-undang. Dalam perjalanan sejarah kehidupan manusia terdapat pelbagai bentuk demokrasi. Demokrasi langsung merujuk kepada penyertaan warganegara secara langsung dalam proses penggubalan undang-undang. Manakala dalam sistem demokrasi berperwakilan, rakyat memilih seorang wakil untuk mewakili mereka dalam hal ehwal politik dan perundangan. Ini merupakan amalan 2 demokrasi di Malaysia. Di sini letaknya kuasa rakyat iaitu memilih wakil untuk memperjuangkan hak mereka.

Dalam sistem demokrasi, semua individu berhak untuk bersuara, mengeluarkan pendapat, buah fikiran serta berinteraksi antara satu sama lain selagi tidak menjejaskan keharmonian negara. Hak menyuarakan sesuatu itu menjadi hak individu dan tidak ada pihak yang botch menyekat hak tersebut. Namun begitu, dalam konteks perundangan di Malaysia, terdapat sekatan terhadap kebebasan bersuara ini bertujuan untuk 'menjaga' dan 'menjamin' kesejahteraan seluruh rakyatnya. Tindakan ini wajar memandangkan masyarakat di Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Sekiranya ada pihak yang menimbulkan provokasi mahupun menghasut untuk memecah belahkan masyarakat, tindakan undang-undang botch diambil demi ketenteraman awam

Dalam konteks demokrasi, penghayatan dan penterjemahannya agak ketara dalam budaya politik orang-orang Kelantan. Hal ini dapat dilihat melalui penentuan pihak yang sepatutnya berhak menjadi pemerintah mereka. Mereka bebas memilih tanpa adanya ikatan yang jumud dengan sebarang parti politik mahupun individu tertentu yang dikatakan berpengaruh dan sebagainya. Lebih menarik, percaturan politik di Kelantan memaparkan orang Melayu lawan Melayu. Pihak pertama menjadikan Islam sebagai asas bagi kekuatan birdaya politik Melayu manakala pihak yang satu lagi menjadikan bangsa Melayu sebagai asas kekuatan budaya politik Melayu. Daripada gambaran asas ini, orang Kelantan melihat kepentingan 'Islam' adalah lebih utama dari kepentingan 'Melayu'. Perkara ini juga satu bentuk hak yang ditegakkan oleh orang-orang Kelantan di bawah sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita. Malah, pegangan hak demokrasi ini seolah-olah sudah sehati dengan budaya politik orang-orang Kelantan.



Rajah 1: Model Hubungan Antara Pengundi /Rakyat Parti Pilihan.
Sumber: Ubahsuai daripada Easton (1965).

Berdasarkan Rajah 1, sistem politik Kelantan diwarnai oleh proses pilihan raya yang melibatkan penyertaan rakyat untuk memilih pemimpin yang mereka inginkan. Rakyat akan membuat pilihan berdasarkan pemimpin atau parti mana yang dilihat akan membantu rakyat. Parti yang menang akan membentuk kerajaan yang akan memberi dan memenuhi keperluan rakyat dan dalam masa yang sama untuk memastikan kesinambungan pemerintahan mereka. Pengundi atau rakyat akan membuat pilihan berdasarkan parti atau pemimpin mana yang akan memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan politik mereka. Tiga faktor utama yang dinyatakan didalam rajah di atas iaitu ekonomi, sosial dan politik akan menentukan pilihan mereka dalam memilih pemimpin.

Dalam konteks negeri Kelantan, pilihan yang akan dibuat oleh rakyat adalah berdasarkan pemimpin, parti dan isu yang akan dimainkan dalam pilihan raya. Dalam tempoh 23 tahun iaitu dari Pilihan Raya Umum 1990 sehingga Pilihan Raya Umum 2013, rakyat Kelantan tidak pernah menukar kerajaan negeri mereka. Walaupun sejarah pernah membuktikan bahawa UMNO pernah mentadbir Kelantan namun ekoran dari perpecahan dalaman antara pemimpin telah meletakkan parti PAS sebagai sebuah parti yang sukar untuk dikalahkan dalam pilihan raya. Dalam pilihan raya pra merdeka pada 27 Julai 1955, parti Perikatan telah diberi mandat penuh untuk mentadbir Kelantan sehingga tahun 1959. Namun, dalam pilihan raya pertama selepas merdeka pada Ogos 1959, Parti Islam se-Malaysia (PAS) pula telah diberi mandat untuk menerajui kerajaan Kelantan apabila menang besar, iaitu 28 kerusi daripada 30 kerusi yang dipertandingkan. Sejak itu, PAS berjaya memerintah Kelantan selama 18 tahun dari tahun 1959 sehingga tahun 1978.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 1974 setelah kerajaan campuran PAS dan UMNO mendapat mandat untuk memerintah Kelantan sehingga 1976 dengan mendapat undi popular iaitu 75 peratus. Dalam situasi yang sedemikian, jelas menunjukkan bahawa orang Kelantan sebenarnya boleh menerima mana-mana parti untuk memerintah negeri mereka asalkan kebijakan mereka dijaga sebaik mungkin oleh pemerintah. Secara realitinya walaupun kerajaan campuran yang terbentuk namun, PAS menguasai secara keseluruhan pentadbiran kerajaan negeri apabila semua jawatan utama telah diisi oleh pemimpin PAS. Pada tahun 1976, PAS telah keluar dari kerajaan campuran dan telah memerintah Kelantan secara bersendirian sehingga tahun 1978. Sebaik sahaja PAS memerintah Kelantan secara bersendirian, perubahan sosiopolitik dapat dilihat semakin rancak berlaku apabila Kelantan telah dijadikan pusat bagi gerakan Islam.

Pada 11 Mac 1978, telah diadakan pilihan raya dan rakyat Kelantan telah menukar kerajaan dari PAS kepada UMNO. Sokongan rakyat terhadap PAS makin merosot oleh kerana krisis politik yang berlaku pada tahun 1977 yang telah menyebabkan berlakunya rusuhan dan rakyat telah bangkit menentang kerajaan PAS. Kekecohan yang berlaku adalah kerana pada ketika itu Kelantan diletakkan dibawah undang-undang darurat sehinggalah pilihan raya diadakan. Bermula dari tahun 1978, UMNO telah memerintah Kelantan selama 12 tahun sehingga tahun 1990. Pelbagai pembangunan ekonomi dilakukan terutama projek pembangunan yang mana telah mengubah budaya politik rakyat Kelantan pada ketika itu.

Pada tahun 1990, PAS kembali menawan Kelantan hasil kerjasama dengan Patti Semangat 46 di bawah Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kemenangan besar APU ini sekali lagi memberi kesan kepada senario budaya politik Kelantan. Selepas parti Semangat 46 dibubarkan pada bulan Mei 1996, PAS terus menerajui Kelantan sehingga kini walaupun sokongan terhadap kerajaan PAS agak merosot pada pilihan raya umum tahun 1999 dan berada pada tahap kritikal pada tahun 2004. Pada tahun 2004, PAS hanya mampu membentuk kerajaan iaitu majoriti mudah dengan perbezaan tiga kerusi setelah memenangi 24 daripada 45 kerusi yang dipertandingkan, manakala 21 kerusi dipegang oleh UMNO. Kemudian, setelah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Pasir meninggal dunia, UMNO berjaya menawan kerusi Pengkalan Pasir melalui pilihan raya kecil yang diadakan pada 6 Disember 2005. Kedudukan Kerajaan PAS pada ketika itu semakin tersepit dengan hanya

memegang 23 kerusi dan UMNO 22 kerusi, dengan perbezaan satu kerusi sahaja.

Berdasarkan kepada perkembangan Pilihan Raya Umum ke 11 tahun 2004, kedudukan PAS dilihat semakin tergugat dan pengaruhnya semakin merosot. Hal ini kerana banyak isu kemunduran dan kemiskinan telah dibangkitkan khususnya oleh pihak UMNO. Banyak pihak beranggapan bahawa pada Pilihan Raya Umum ke 12 tahun 2008 ini, rakyat Kelantan akan menukar kerajaan PAS yang dikatakan tidak mampu membawa pembangunan kepada kerajaan UMNO demi membawa kemajuan di Kelantan. Namun, apa yang berlaku jauh dari jangkaan kerana kerajaan PAS telah berjaya memperkukuhkan kedudukan mereka di Kelantan bersama Pakatan Rakyat. Situasi ini berterusan sehingga Pilihan raya Umum 2013 apabila PAS masih lagi menguasai pemerintahan negeri Kelantan. Walaubagaimanapun, berlaku pertambahan kerusi yang dimenangi oleh UMNO dalam pilihan raya ini.

Penggunaan tiga konsep utama dalam kajian ini iaitu konsep kepimpinan politik, legitimasi politik dan budaya politik dilihat akan menjawab persolan kajian iaitu ingin mencari penyelesaian kepada permasalahan kajian yang mana apakah faktor yang menjadi penyebab rakyat negeri Kelantan tidak memilih parti UMNO/BN untuk memerintah negeri ini. Keunikan dan keistimewaan masyarakat Kelantan dapat dilihat semenjak pilihan raya 1959 lagi dan ianya berterusan sehingga kini. Latar belakang dan sejarah awal masyarakat Kelantan mempengaruhi sikap dan sosio budaya mereka yang mana ianya dapat membezakan antara masyarakat Kelantan dan negeri-negeri lain. Situasi ini berlarutan sehingga pilihan raya tahun 1969 apabila masyarakat di Kelantan terus memilih parti PAS untuk memerintah negeri tersebut. Hal ini adalah disebabkan oleh kerana mereka meletakkan tahap keprihatinan dan tanggungjawab terhadap agama sebagai perkara utama dalam kehidupan mereka. Keadaan ini telah dibantu oleh kemunculan tokoh-tokoh ulama yang memberi pelajaran dan pendidikan agama melalui institusi pondok yang terdapat di setiap daerah di Kelantan. Dalam masa yang sama masyarakat Kelantan juga turut menolak janji-janji pembangunan yang dijanjikan oleh kerajaan Perikatan pada masa itu dan sikap kerajaan Perikatan menarik balik projek pembangunan setelah mereka kalah dalam pilihan raya telah menyebabkan sokongan masyarakat terhadap parti PAS semakin teguh malah menolak terus parti Perikatan. Keadaan inilah yang dinamakan sebagai krisis legitimasi yang wujud di Kelantan yang menjadi sebab penolakan rakyat Kelantan terhadap parti Perikatan malah terhadap parti UMNO/BN sehingga ke hari ini.

Berdasarkan penjelasan penggunaan konsep yang telah dinyatakan di atas jelas menunjukkan perkaitan antara krisis legitimasi politik dan juga kepimpinan UMNO/BN telah mendasari penolakan masyarakat Kelantan terhadap parti tersebut sehinggalah masyarakat Kelantan terus kekal memilih parti PAS untuk mentadbir negeri Kelantan sekian lama.

Pilihan Raya Kelantan Era Kerajaan Umno (1978 – 1990)

Semenjak penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946, UMNO Kelantan tidak pernah berkongsi sejarah yang sama dengan UMNO di negeri-negeri lain di Malaysia. Mengikut catatan sejarah, Kelantan adalah negeri yang pertama dan paling lama berada dibawah kepimpinan PAS. Pilihan Raya Umum 1974 yang mana telah mencetuskan kekecohan di Kelantan sehingga pengisytiharan darurat terpaksa dilakukan. Selepas peristiwa darurat itu satu Pilihan Raya Umum telah diadakan bagi Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk menentukan parti mana yang akan mentadbir serta memerintah negeri ini.

Keputusan Pilihan Raya Umum 1969 menunjukkan sokongan rakyat terhadap parti Perikatan semakin berkurangan bukan sahaja di Kelantan malah dibeberapa negeri lain. Kelantan terus ditadbir oleh parti PAS manakala Pulau Pinang juga ditadbir oleh parti pembangkang iaitu GERAKAN. Negeri Perak dan Selangor hampir-hampir dikuasai oleh parti pembangkang iaitu PPP, GERAKAN dan DAP. Sokongan bukan Melayu terhadap parti komponen Perikatan iaitu MCA dan MIC juga

turut berkurangan. Disebabkan situasi ini maka parti Perikatan cuba untuk mewujudkan kerajaan campuran bagi meraih kembali sokongan rakyat.

Kerajaan campuran di Pulau Pinang telah dibentuk pada Januari 1972 selepas berlakunya situasi tegang antara parti GERAKAN dan DAP. Lim Chong Eu iaitu pemimpin parti GERAKAN cuba untuk berunding dengan parti Perikatan bagi membentuk kerajaan campuran tetapi ditolak oleh Tan Chee Khoo dan krisis ini telah menyebabkan beberapa ahli DUN dari parti GERAKAN bertindak keluar parti. Malah keadaan ini bertambah serius apabila ada pihak cuba mengusulkan undi tidak percaya kepada Lim Chong Eu yang memegang jawatan Ketua Menteri. Disebabkan krisis ini, dua andaian dikenalpasti yang mungkin akan berlaku iaitu samada DAP akan membentuk kerajaan campuran dengan parti lain bagi membentuk kerajaan negeri dan pilihan raya negeri terpaksa dilakukan sekali lagi. Bagi mengelak perkara ini berlaku, parti GERAKAN tiada pilihan lain apabila terpaksa bergabung dan bekerjasama dengan UMNO melalui Perikatan lalu membentuk kerajaan negeri campuran.¹⁵

Perkara yang sama juga turut berlaku di negeri Perak apabila perikatan hanya berjaya memenangi 19 daripada 40 kerusi DUN sahaja dan selebihnya dikuasai oleh pembangkang iaitu PPP, DAP, GERAKAN dan PAS. PPP mempunyai kuasa terbesar iaitu memperolehi kemenangan di 12 kerusi DUN. Walau bagaimanapun, pengaruh PPP semakin berkurangan apabila sekitar tahun 1960, pemimpin utama PPP Dr Seenivisagam telah meninggal dunia. Sementelahan ada beberapa isu yang telah memperlihatkan kelemahan PPP apabila perjuangan parti ini menyalahi perlembagaan negeri terutama isu yang berkaitan bahasa, budaya dan kedudukan Raja-Raja Melayu. Bagi meneruskan perjuangan parti ini yang semakin merosot, PPP telah berunding dengan Perikatan dan akhirnya telah menyertai Perikatan pada April 1972. Selepas rundingan ini, maka kerajaan campuran di negeri Perak terbentuk. Hanya ada satu sahaja lagi negeri yang masih berada dibawah parti pembangkang iaitu Kelantan yang ditadbir oleh PAS.¹⁶

Bagi merealisasikan kepimpinan negara untuk mewujudkan kerajaan campuran, hubungan baik antara pemimpin utama PAS iaitu Mohd Asri mula terjalin dengan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Tun Abdul Razak. Keinginan Perikatan untuk membentuk kerajaan campuran di Kelantan dilihat semakin serius apabila Tun Abdul Razak telah mengemukakan cadangan ini dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1972¹⁷. Dalam masa yang sama PAS juga turut melakukan Mukhtamar Khas Dewan Ulama bagi membincangkan perkara ini. Keputusan daripada mukhtamar yang dilakukan maka persetujuan bagi mewujudkan kerajaan campuran di Kelantan dipersetujui oleh semua pihak dan perjanjian ini telah dimeterai pada 28 Disember 1972.

Walaupun bagaimanapun, Tengku Razaleigh Hamzah yang pada ketika itu memimpin UMNO Kelantan tidak bersetuju akan pembentukan kerajaan campuran di Kelantan¹⁸. Beliau beranggapan bahawa niat dan keinginan UMNO untuk merampas kembali negeri Kelantan dari tangan PAS telah terbantut. Selepas pembentukan kerajaan campuran ini, Pilihan Raya Umum 1974 telah dilakukan pada 14 Mac 1974. Dalam pilihan raya ini parti perikatan yang telah ditukar nama ke Barisan Nasional (BN) telah menang besar. Di Kelantan, BN telah menang di 36 kerusi DUN. Manakala parti Barisan Bebas Bersatu (BBB) pula tidak memperolehi kemenangan di mana-mana kerusi DUN.

Pilihan Raya Umum 1978

Pilihan Raya Umum 1978 telah berlangsung pada 11 Mac 1978, BN telah memenangi 131 kerusi Parlimen daripada 154 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dan buat pertama kalinya, BN berjaya menguasai Kelantan sejak 19 tahun pemerintahan PAS di Kelantan¹⁹. Dalam pilihan raya ini UMNO/BN berjaya memperolehi undi sebanyak 37.32 peratus undi berbanding PAS yang hanya mendapat 33.46 peratus sokongan sahaja manakala BERJASA pula memperolehi 27.22 peratus undi. UMNO/

BN telah berjaya menang di 23 kerusi DUN daripada 36 kerusi yang dipertandingkan, manakala BERJASA berjaya menang sebanyak 11 kerusi dan PAS hanya berjaya menang di dua kerusi sahaja. UMNO/BN berjaya membentuk kerajaan negeri di Kelantan apabila gabungan antara BERJASA berjaya mengalahkan PAS di negeri tersebut dan dalam keputusan pilihan raya ini UMNO/BN mempunyai bilangan kerusi majoriti dan dapat membentuk kerajaan maka bermulalah pemerintahan UMNO/BN di Kelantan buat pertama kalinya selepas negara mencapai kemerdekaan.²⁰

Kekalahan teruk PAS dalam pilihan raya ini adalah disebabkan oleh perpecahan yang berlaku dalam PAS yang telah menyebabkan peristiwa darurat berlaku. Kekalahan PAS ini adalah hasil dari kerjasama UMNO dan BERJASA. Parti BERJASA dilihat berjaya memperolehi 11 kerusi kerana BERJASA dilihat lebih pro kepada BN dan bersederhana berbanding dengan PAS yang lebih ekstrim. Parti ini juga dilihat sebagai pilihan kepada rakyat yang inginkan parti yang berlandaskan Islam di Kelantan selain daripada PAS. Pimpinan PAS yang menganggotai BERJASA juga dilihat antara faktor kemenangan BERJASA di 11 kerusi DUN. BERJASA dilihat berperanan dalam memecahbelahkan undi PAS melalui strategi yang telah disusun oleh UMNO.

Muhammad Yaakob telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan manakala wakil rakyat daripada parti BERJASA diberikan jawatan speaker DUN dan beberapa ahli exco. Manakala Tengku Razaleigh yang menerajui UMNO/BN Kelantan pada ketika itu telah memegang jawatan Menteri Kewangan dalam kabinet kerajaan Persekutuan. Menurut Mohd Ali 2004, pada masa tersebut juga negara berada dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (RM3) yang bermula pada tahun 1976-1980. Kerajaan Kelantan telah memohon peruntukan sebanyak Rm 750 juta dibawah RM3 ini namun telah diluluskan permohonan sebanyak RM1,018 juta oleh kerajaan Pusat dan ianya terus bertambah sehingga menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan dalam RM3 untuk negeri Kelantan bernilai RM 1,744 juta dan peruntukan yang besar ini berlarutan sehingga ke RM4 yang berjumlah RM 2,916 juta. Hal ini telah memberikan gambaran yang positif terhadap kepimpinan kerajaan UMNO/BN di Kelantan kerana mereka dapat menumpukan dan meneruskan pembangunan untuk negeri tersebut setelah mereka menyifatkan kerajaan terdahulu telah gagal melaksanakan pembangunan untuk negeri dan juga rakyat.

Hasil daripada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Pusat itu, maka UMNO/BN Kelantan telah melaksanakan beberapa projek pembangunan antaranat ialah pembukaan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) telah dilancarkan pada Mac 1978 bagi membuka tanah baru serta penempatan baru dengan pelbagai kemudahan. Projek pembinaan lebuh raya Kuala Krai–Gua Musang sepanjang 115 km juga diteruskan yang mana ianya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 105 juta. Imej Tengku Razaleigh Hamzah melonjak naik apabila beliau dilihat sebagai tokoh politik utama di Kelantan yang membawa pembangunan dan telah menyatukan semula pemimpin UMNO/BN Kelantan yang sering mempunyai krisis dalaman.

Pilihan Raya Umum 1982

Pilihan Raya Umum 1982 telah diadakan pada 22 April 1982 dan pilihan raya ini merupakan pilihan raya yang penting bagi PAS Kelantan apabila parti itu telah kalah teruk pada pilihan raya 1978. Bagi UMNO pula, pilihan raya ini penting bagi meneruskan legasi pemerintahan UMNO/BN dan meneruskan kekuasaan parti tersebut di negeri Kelantan. Dalam pilihan raya ini, UMNO/BN telah meletakkan semua calonnya di 36 kawasan yang dipertandingkan yang mana telah dibahagi mengikut pecahan iaitu UMNO mewakkili 23 kawasan, BERJASA bertanding di 12 kawasan dan MCA di satu kawasan. Begitu juga dengan PAS yang juga telah meletakkan semua calon di semua kawasan yang dipertandingkan.²¹

Keputusan bagi pilihan raya tahun 1982 PAS telah memenangi 4 daripada 12 kerusi Parlimen yang dipertandingkan iaitu bagi Parlimen Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Bachok dan Rantau Panjang. Manakala kerusi Parlimen yang dimenangi oleh UMNO ialah Parlimen Pasir Mas, Kota Bharu, Nilam Puri, Tanah Merah Machang, Pasir Puteh, Kuala Krai dan Ulu Kelantan. Keputusan Pilihan Raya Umum 1982 di peringkat DUN pula UMNO masih menguasai apabila berjaya memenangi 26 kerusi DUN manakala PAS hanya memperolehi kemenangan di 10 kerusi sahaja termasuk dua kerusi DUN yang dimenangi tanpa bertanding iaitu DUN Kemumin dan Selising. Dalam pilihan raya ini, PAS masih gagal membentuk kerajaan negeri di Kelantan. Keadaan ini disebabkan oleh krisis kepimpinan dalam parti PAS. Manakala kemenangan UMNO pula disumbangkan oleh penyertaan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO tiga minggu sebelum Pilihan Raya Umum dilakukan. Gaya kepimpinan Anwar Ibrahim yang turut mempengaruhi golongan belia digunakan sepenuhnya oleh UMNO untuk menentang PAS.

Pilihan Raya Umum 1986

Kekalahan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pemilihan UMNO 1984 telah memberikan impak yang besar kepada UMNO Kelantan walaupun beliau masih dikekalkan sebagai Menteri Kabinet namun pengaruh dan kuasanya di Kelantan semakin pudar sementelahan Menteri Besar Mohammad Yaakob dilantik sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Selain dari itu, penyokong-penyokong Tengku Razaleigh melihat bahawa keadaan ini tidak wajar berlaku kerana ketokohan Mohammad Yaakob tidak dapat menandingi Tengku Razaleigh dalam membawa perubahan kepada UMNO Kelantan namun wujud kumpulan lain yang telah menjadi proksi kepada Musa Hitam iaitu Hussien Ahmad yang sering mengintai peluang untuk menguasai kepimpinan UMNO di Kelantan²²

Dalam keadaan yang demikian, Pilihan Raya Umum 1986 akan diadakan dan pada ketika ini UMNO berada dalam kedudukan yang lemah di Kelantan dan perkara ini dapat diketahui oleh Mahathir Mohammad, lalu beliau telah melantik Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengarah Pilihan Raya BN Kelantan bersama-sama berganding bahu dengan Mohammad Yaakob. Situasi ini dapat merekan sedikit pergolakan yang dihadapi oleh UMNO/BN Kelantan.

Pilihan Raya Umum 1986 telah diadakan pada 3hb Ogos 1986 selepas pembubaran Dewan Rakyat dan DUN pada 19hb Julai 1986. Keputusan pilihan raya ini masih memihak kepada UMNO di Kelantan apabila berjaya memenangi 12 kerusi Parlimen daripada 13 kerusi yang dipertandingkan. PAS hanya berjaya memenangi satu kerusi sahaja iaitu di Parlimen Pengkalan Chepa yang diwakili oleh Hj Nik Abdullah Asyad yang menewaskan calon UMNO iaitu Wan Ibrahim dengan majoriti sebanyak 4,175 undi.²³ Kekalahan PAS dalam pilihan raya ini masih lagi dibayangi oleh masalah kepimpinan PAS yang berlaku antara Dato Asri dengan Dato' Muhammad Nasir. Peristiwa ini masih lagi belum boleh memulihkan permasalahan parti sekaligus telah menjejaskan undi rakyat terhadap parti itu. Manakala bagi keputusan pilihan raya 1986 untuk kerusi Dun, UMNO berjaya memenangi 29 kerusi DUN daripada 39 kerusi yang dipertandingkan²⁴. Sementara itu, PAS pula berjaya mendapat 10 kerusi di peringkat DUN iaitu DUN Semut Api yang diwakili oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat, DUN Guchil, Kemumin, Banggol, Lundang, Mulong, Tawang, Perupuk, Labok dan DUN Manek Urai.

Pilihan Raya Umum Era Kejatuhan Umno (1990 – 2013)

Pilihan Raya Umum kelapan yang diadakan pada 21 Oktober 1990 telah mencatatkan sejarah baru dalam perkembangan politik Malaysia amnya dan bagi negeri Kelantan khususnya apabila UMNO/BN buat pertama kalinya ditentang oleh bekas ahli-ahli parti tersebut yang mana telah menubuhkan parti baru iaitu parti Semangat 46 (S46). Ianya menjadi bertambah hebat dan sengit apabila S46 telah bergabung dengan parti pembangkang yang lain iaitu PAS, BERJASA dan HAMIM untuk membentuk

Angkata Perpaduan Ummah (APU).

Penubuhan parti S46 telah memulakan episod baru dalam politik negara dan negeri Kelantan. Kedudukan UMNO/BN dilihat semakin bahaya dan tergugat semetelahan parti itu telah bergabung dengan parti-parti lain dan diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang mana ketokohan beliau yang tiada tandingan di peringkat negeri Kelantan. Keputusan Pilihan Raya Umum 1990 yang diumumkan telah mengejutkan semua pihak apabila kerajaan neger Kelantan yang diketuai oleh Tan Sri Mohamed Yaakob tumbang kepada parti gabungan PAS dan S46. Keputusan ini telah menukarkan tampuk pemerintahan negeri Kelantan yang mana telah dikuasai oleh kerajaan pakatan. Berdasarkan keputusan dalam Pilihan Raya Umum 1990 ini, parti UMNO tidak mendapat mandat walaupun satu kerusi. PAS dilihat memonopoli kerusi DUN iaitu sebanyak 24 kerusi diikuti oleh parti Semangat 46 sebanyak 14 kerusi manakala Berjasa mendapat 1 kerusi iaitu kerusi DUN Padang Garong. Manakala bagi kerusi parlimen PAS dan semangat 46 menyapu bersih iaitu masing-masing 6 dan 7 kerusi parlimen²⁵

Kemenangan PAS dan Semangat 46 ialah kerana parti ini telah berjaya menonjolkan imej perpaduan dengan baik. Perpaduan ini dilihat dengan wujudnya Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Melalui semangat perpaduan ini, penyokong-penyokong APU berkerjasama dalam menjalankan kerja-kerja seperti menampal poster, menaikkan sepanduk dan membina pondok-pondok panas untuk dijadikan markas parti. Perpaduan dan kerjasama erat antara PAS dan Semangat 46 ini telah berjaya memberi kesan yang amat positif kepada rakyat Kelantan bahawa gabungan mereka mempunyai masa depan yang cerah dalam politik.

Imej dua orang pemimpin utama APU iaitu Tengku Razaleigh dan Tuan Guru Hj. Nik Aziz Nik Mat dikatakan aktor utama dalam memberikan kejayaan cemerlang kepada APU dalam Pilihan Raya Umum 1990. Ketokohan dan peribadi Nik Aziz sebagai seorang ulama dan tokoh politik yang sederhana hidupnya telah berjaya menarik perhatian rakyat yang cintakan agama Islam sebagai cara hidup dan memberikan sokongan kepada beliau. Manakala Tengku Razaleigh dilihat sebagai tokoh politik yang berjaya membawa pembangunan jasmaniah. Semasa beliau menganggotai kabinet dan menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri, beliau berjaya membawa pembangunan yang bukan sedikit kepada rakyat Kelantan²⁶

Berdasarkan pemerhatian terhadap keputusan PRU di Kelantan dari 1990 ke 2013, terdapat sekurang-kurangnya 14 kawasan DUN dan 4 kawasan parlimen yang merupakan kubu kuat PAS di Kelantan. DUN itu adalah Kota Lama, Pasir Pekan, Kijang, Chempaka, Panchor, Tanjong Mas, Bunut Payong, Meranti, Salor, Pasir Tumbuh, Demit, Tawang, Chetok, dan Perupok. Kesemua kerusi DUN dan parlimen ini secara konsisten dimenangi oleh PAS dalam setiap pilihan raya dalam tempoh ini. Kawasan parlimen Rantau Panjang, Pangkalan Chepa, Kubang Kerian dan Tumpat pula adalah kubu kuat PAS di kawasan parlimen dalam tempoh yang sama.²⁷

Pilihan Raya Umum 1995

Pilihan Raya Umum 1995 yang juga merupakan Pilihan Raya Umum yang ke Sembilan telah diadakan pada 25 April 1995. Keputusan bagi 43 DUN seluruh negeri Kelantan pada pilihan raya kali ini menunjukkan terdapat perbezaan jika dibandingkan dengan pilihan raya tahun 1990 tetapi APU kekal memerintah Kelantan untuk tempoh lima tahun lagi. Ini kerana pada pilihan raya kali ini UMNO telah berjaya memenangi tujuh kerusi bagi peringkat DUN berbanding dengan pilihan raya yang sebelum ini yang mana semua kerusi di menangi oleh APU. Jika dilihat dari segi bilangan kerusi telah menunjukkan berlaku penambahan khususnya bagi kerusi DUN iaitu sebanyak 5 berbanding 38 kerusi pada pilihan raya 1990. Secara tidak langsung jumlah keseluruhan kerusi pada kali ini adalah sebanyak 43 kerusi. Sementara bagi kerusi Parlimen pula jumlah kerusi yang dipertandingkan

ialah 14 kerusi dan ini menunjukkan peringkat Parlimen juga berlaku penambahan dari segi bilangan kerusi iaitu sebanyak 1 kerusi. Di peringkat DUN, PAS telah bertanding di 27 kawasan, sementara S46 meletakkan calonnya di 15 buah kawasan, manakala BERJASA 1 kawasan dan Bebas bertanding di dua kawasan. UMNO pula telah bertanding di semua kawasan DUN yang dipertandingkan yang berjumlah sebanyak 43 kawasan.²⁸

Pilihan Raya Umum 1995 disifatkan oleh kepimpinan UMNO Kelantan sebagai kebangkitan semula untuk parti berkenaan merampas kembali negeri itu dalam masa lima tahun. Situasi ini ditambah pula dengan penyertaan semula Tengku Razaleigh ke dalam UMNO pada bulan November 1996 dan hal ini dilihat sebagai proses keseimbangan kuasa Tun Dr. Mahathir yang semakin tercabar, ekoran tekanan Anwar Ibrahim. Penyertaan kembali ini telah mencetuskan banyak implikasi kepada kerjaya politik sehingga menjejaskan beberapa kepimpinan utama UMNO Kelantan. Antaranya ialah Annuar Musa, Mustapha Mohamed, Zainal Abidin Kadir, Hussien Ahmad, dan Ahmad Shahibuddin Mohd Noor yang bercita-cita untuk menjadi pemimpin utama dalam kelangsungan parti berkenaan di Kelantan.²⁹

Pilihan Raya Umum 1999

Pilihan Raya Umum ke-10 telah diadakan pada 29 November 1999. Pilihan raya kali ini agak getir apabila ianya melibatkan isu besar negara ekoran daripada pemecatan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mana beliau telah dituduh terlibat dengan skandal rasuah dan juga seks. Pilihan raya kali ini juga melihat perubahan bagi negeri Kelantan apabila S46 telah keluar dari APU dan kembali kepada pangkuan UMNO dan secara tidak langsung maka terkuburlah parti S46 manakala ahli-ahlinya telah menyertai UMNO kembali. Manakala parti PAS pula telah bekerjasama bergabung dengan parti DAP, Keadilan lalu membentuk Barisan Alternatif (BA). Barisan Alternatif wujud hasil daripada sokongan rakyat yang menyokong Anwar Ibrahim dan menentang kerajaan Malaysia sebagai tanda protes terhadap isu pemecatan Anwar Ibrahim.

Pilihan raya pada kali ini juga menyaksikan bahawa parti S46 telah keluar dari APU dan kembali ke pangkuan UMNO setelah hampir 12 tahun berpisah. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan parti S46 telah dihapuskan manakala ahli-ahlinya menyertai UMNO. Semangat 46 telah keluar dari APU kerana beberapa sebab. Antaranya ialah kerana pemimpin parti tersebut iaitu Tengku Razaleigh Hamzah merasakan parti ini sudah tidak mampu memperjuangkan nasib rakyat ditambah pula parti ini mempunyai masalah kewangan yang teruk disamping parti ini sudah mula kurang mendapat sokongan rakyat.

Keputusan Pilihan Raya Umum 1999 sekali lagi tidak menyebelahi UMNO apabila hanya satu kawasan parlimen sahaja yang dimenangi oleh UMNO iaitu parlimen Gua Musang yang diwakili oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Kemenangan ini merupakan kerusi tunggal yang dimenangi oleh BN dengan memperolehi majoriti sebanyak 2,925 undi sekaligus mengalahkan calon dari parti PAS. Manakala bagi kerusi DUN pula, UMNO hanya memperolehi 2 kerusi sahaja daripada 43 kerusi yang dipertandingkan iaitu kerusi DUN Galas dan Paloh.

UMNO Kelantan pada ketika ini dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan menjelang Pilihan Raya Umum ke-10. Perlantikan beliau ini, telah memberi cahaya baru ke dalam kepimpinan UMNO Kelantan sehingga ada sesetengah pihak mula membicarakan tentang peluang kemenangan UMNO di Kelantan. Kekalahan teruk UMNO Kelantan telah membuktikan bahawa masyarakat Kelantan menolak kepimpinan UMNO dan perpecahan dan perbalahan dalam kalangan pemimpin UMNO telah memberi impak yang besar kepada UMNO untuk menguasai negeri Kelantan.

Pilihan Raya Umum 2004

Kekuatan PAS Kelantan goyah apabila UMNO Kelantan mencatatkan keputusan yang diluar jangkaan apabila hampir menang besar dalam Pilihan Raya Umum 2004 yang mana hanya 2 kerusi sahaja yang memisahkan UMNO Kelantan untuk memerintah Kelantan. Dalam Pilihan Raya Umum 2004, UMNO Kelantan berjaya menguasai 21 kerusi DUN daripada 45 kerusi yang dipertandingkan manakala di kerusi parlimen, UMNO Kelantan menang di 9 kerusi iaitu bagi parlimen Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Bachok, Kota Bharu, Tanah Merah, Jeli, Pasir Putih, dan Ketereh dengan majoriti antara 1,500 dan 7,000.

Dalam pilihan raya kali ini, UMNO berjaya menunjukkan kekuatannya apabila berjaya menidakkan majoriti 2/3 di DUN Kelantan. Keupayaan UMNO telah memberi kesan yang besar kepada kerajaan PAS Kelantan kerana mereka hampir tumbang sebagai kerajaan negeri. Situasi menjadi semakin hangat apabila UMNO Kelantan sekali lagi mencuri tumpuan apabila berjaya memenangi kerusi dalam pilihan raya kecil DUN Pengkalan Pasir, apabila penyandanginya meninggal dunia. Dalam pilihan raya kecil yang diadakan pada 6 Disember 2005, UMNO mempertaruhkan Hanafi Mamat sebagai calon dalam pilihan raya itu dan Hanafi Mamat berjaya menewaskan calon PAS dengan menang majoriti 134 undi. Hal ini telah menjadikan UMNO menguasai 22 DUN Kelantan daripada 45 DUN manakala PAS sebanyak 23 kerusi sahaja. Situasi ini memberikan gambaran bahawa PAS Kelantan berada dalam situasi yang sangat getir.

Prestasi yang membanggakan yang ditunjukkan oleh kepimpinan Mustapha Mohamed dan UMNO Kelantan adalah berpunca daripada penyediaan calon-calon baharu yang mempunyai imej dan personaliti yang menepati cita rasa politik masyarakat Kelantan. Manakala PAS mencalonkan semula ADUN-ADUN dan Ahli Parlimennya yang mempunyai prestasi perkhidmatan lemah. Tindakan PAS bertentangan dengan citarasa politik masyarakat Kelantan yang mempunyai kecenderungan politik terhadap muka-muka baru.

Isu pertukaran Perdana Menteri juga memberi kesan kepada pencapaian parti yang bertanding. Perdana Menteri baru akan menggunakan pilihan raya pertama selepas perantikannya untuk mendapatkan mandate baru selain mengukuhkan kedudukannya dalam parti dan kerajaan. Peristiwa ini telah mengulang kembali sejarah era Tun Razak, Dr. Mahathir dan kini oleh Abdullah Ahmad Badawi menggunakan pendekatan dan isu yang berbeza untuk mencapai tujuan tersebut. Walau apapun cara dan slogan yang digunakan, pencapaian parti yang memerintah lebih baik daripada pilihan raya sebelumnya. Pilihan raya 1974 adalah pilihan raya pertama dan terakhir yang diterajui Tun Razak selepas dilantik sebagai Perdana Menteri dalam tahun 1972. Pilihan raya itu juga adalah pilihan raya pertama selepas berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Tun Razak telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa langkah bagi mengelakkan peristiwa itu berulang lagi khususnya bagi merapatkan jurang ekonomi dan menggalakkan integrasi antara kaum. Bagi mengurangkan politicking, Tun Razak membawa masuk parti pembangkang antara lainnya PAS, Gerakan dan People's Progressive Party (PPP) ke dalam kerajaan dengan membentuk Barisan Nasional bagi menggantikan Perikatan. Hanya DAP sebagai parti pembangkang yang tidak menyertai kerajaan. Selain itu, pengundi juga masih dibayangi Peristiwa 13 Mei yang mendorong pendirian sederhana dan berhati-hati dalam tempoh pascakrisis. Dengan latar belakang sedemikian, maka tidak hairanlah Tun Razak mendapat mandat yang sangat besar dalam pilihan raya 1974.

Pilihan Raya Umum 2008

Kemenangan besar yang diraih oleh Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum ke-12 telah memperlihatkan suatu perubahan besar dalam politik negara yang mana rakyat telah menzahirkan ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan negara yang ada serta parti yang memerintah Malaysia untuk sekian lamanya. Barisan Nasional hanya mendapat 50.28 peratus undi sahaja untuk kekal memerintah Malaysia, manakala Pakatan Rakyat mendapat 49.7 peratus undi. Jelas di sini menunjukkan bahawa perbezaan yang sedikit ini telah menjadi sejarah dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia apabila gabungan parti pembangkang berjaya memecahkan kuasa Barisan Nasional.

Kebanyakan penganalisis politik menggunakan istilah 'Tsunami politik' untuk menggambarkan gelombang penolakan terhadap BN. Kali ini BN bukan sahaja kalah di kawasan yang dianggap selamat malahan ramai pemimpin parti komponennya yang tewas. Lebih memeranjatkan lagi protes tersebut tidak sekadar memenangkan calon parti lawan malahan bilangan undi rosak dicatatkan paling besar dalam sejarah negara pada pilihan raya umum kali ini. Gelombang penolakan terhadap BN begitu ketara dalam PRU-12 yang BN kalah di beberapa negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Perak, Kelantan, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.³⁰

Kemenangan parti pembangkang di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum ke-12 telah memperlihatkan PAS terus menguasai negeri Kelantan apabila PAS berjaya memenangi sebanyak 38 kerusi DUN dan PKR memenangi satu kerusi daripada 45 kerusi yang dipertandingkan. Manakala bagi kerusi parlimen pula, PAS berjaya memenangi 12 kerusi dan UMNO hanya mendapat 2 kerusi sahaja. Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 kali ini jelas menunjukkan bahawa jangkaan UMNO untuk merampas Kelantan dari PAS adalah meleset sama sekali. Andaian bahawa rakyat Kelantan akan memihak kepada UMNO dalam pilihan raya kali ini berdasarkan majoriti kecil yang diperolehi oleh PAS dalam pilihan raya 2004 ternyata tidak dapat direalisasikan.

UMNO telah menaruh harapan yang tinggi untuk memenangi Kelantan seterusnya menerajui pemerintahan negeri Kelantan. Untuk mencapai cita-cita ini, pelbagai strategi telah dilakukan oleh UMNO Kelantan khususnya untuk mempengaruhi pengundi di negeri ini. Namun begitu strategi yang diambil mempunyai banyak kelemahan sehingga menyebabkan UMNO Kelantan kalah teruk dalam Pilihan Raya Umum ke-12. Antara Faktor terbesar yang menyumbang kepada kegagalan ini ialah perpecahan sesama sendiri yang sukar diatasi yang telah berlaku dalam UMNO negeri Kelantan. Perpecahan dalaman telah lama berlaku dalam kepimpinan UMNO Kelantan namun ianya semakin ketara apabila Datuk Dr Awang Adek Hussin pada ketika itu memegang portfolio Timbalan Menteri Kewangan yang juga Ahli Parlimen Bachok dicanangkan sebagai bakal Menteri Besar Kelantan jika UMNO memenangi pilihan raya di Kelantan.³¹

Budaya "cah keting" (tikam belakang) merupakan budaya yang cukup sinonim dalam politik UMNO di Kelantan. Semua gerak kerja yang telah dilakukan di peringkat akar umbi menjadi sia-sia apabila calon yang diingini oleh rakyat tempatan di sesuatu kawasan tidak dicalonkan. Situasi ini telah merumitkan keadaan apabila pihak yang satu lagi mula menjalankan misi bagi memastikan calon yang dicalonkan itu kalah dalam pilihan raya. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya usaha mensabotaj parti seperti menaja calon bebas bagi menghuru-harakan keadaan. Pemimpin UMNO masih lagi mengamalkan budaya politik apabila mereka amat suka berkonflik sesama sendiri demi kepentingan diri sendiri yang menginginkan jawatan bukannya berjuang untuk memajukan faktor. Faktor kepimpinan dalaman ini juga merupakan faktor utama kekalahan UMNO Kelantan dalam Pilihan Raya Umum ke-12.

Pilihan Raya Umum 2013

Pilihan Raya Umum 2013 (PRU 13) telah diadakan pada 5 Mei 2013. Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan pemerintahan di Malaysia namun bagi di negeri Kelantan, UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan terus memberi mandat kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk penggal ke-6 berturut-turut apabila berjaya menguasai majoriti 2/3 kerusi DUN dengan PAS menang 32 kerusi, UMNO 12 kerusi. Apa yang unik nya pilihan raya di Kelantan, pertembungan dua parti politik Melayu ini sering kali memperlihatkan persaingan sengit antara dua buah parti ini. UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan terutama di kawasan bandar dan pekan-pekan kecil di Kelantan.³²

Dalam PRU 2013 ini, UMNO berjaya meningkatkan jumlah kerusi DUN yang dimenangi kepada 12 kerusi. Terdapat faktor utama lain yang menyebabkan penolakan rakyat terhadap UMNO di Kelantan antaranya ialah imej kepimpinan ulama yang ditonjolkan oleh Mursyidul Am PAS iaitu Tok Guru Nik Aziz. Imej Tok Guru amat mempengaruhi pola pengundian di Kelantan. Tok Guru Nik Abdul Aziz mempunyai aura tersendiri dimana dengan keperibadian beliau yang dilihat warak dan sederhana telah menarik hati para pengundi di Kelantan. Selain itu, pengaruh Tok Guru juga dipengaruhi oleh sikap penyokong PAS yang begitu fanatik kepada beliau. Sikap taksub penyokong PAS sering mengagungkan Tok Guru sebagai tokoh yang terbilang. Oleh sebab itulah parti PAS dilihat terus kuat di Kelantan dan dalam masa yang sama imej Islam yang dipaparkan itu menjadi teras utama perjuangan politik rakyat Kelantan.

Pilihan Raya Umum ke 13 ini, UMNO berjaya menambah kemenangan di kerusi Parlimen dan DUN namun tetap gagal menumbangkan Kerajaan PAS di Kelantan. Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk UMNO mengambil alih pentadbiran negeri ini daripada PAS walaupun berbagai strategi dan perancangan telah dilakukan ketika sebelum dan sewaktu kempen pilihan raya berjalan. Sebaliknya pada PRU ke-13, PAS masih selesa untuk membentuk Kerajaan Negeri di Kelantan. UMNO Kelantan masih gagal meletakkan calon yang berkualiti yang mampu diterima oleh rakyat Kelantan. UMNO Kelantan perlu suntikan baru untuk berhadapan dengan PAS pada masa yang akan datang. Apa yang boleh diperkatakan ialah BN gagal meletakkan calon yang boleh menang dalam pilihan raya kali ini.³³

Kesimpulan

Era kejatuhan PAS di Kelantan sangat ketara menjelang pilihan raya 1982 ekoran dari krisis kepimpinan parti tersebut yang melibatkan Dato Asri dengan Muhammad Nasir. Kesan daripada peristiwa itu menyebabkan rakyat Kelantan menolak PAS secara keseluruhannya dan menganggap perjuangan PAS pada ketika itu lari dari landasan asal prinsip perjuangan parti tersebut.

Walaupun bagaimanapun, kemenangan UMNO di Kelantan tidak berpanjangan apabila pada Pilihan Raya Umum 1990, UMNO jatuh ketangan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Antara faktor kekalahan UMNO/BN dalam pilihan raya ini ialah kerana perpecahan dalaman parti yang berlaku antara Tengku Razaleigh Hamzah dan Mahathir Mohammad sehingga menyebabkan Tengku Razaleigh menubuhkan parti Semangat 46 (S46) yang berganding dengan PAS, BERJASA dan HAMIM. Selain itu faktor sikap angkuh dan sombong pemimpin-pemimpin UMNO yang menindas penyokong pembangkang turut mengurangkan undi rakyat kepada UMNO.

Kekalahan UMNO di Kelantan ini berterusan sehingga Pilihan Raya Umum ke 13. Rakyat Kelantan berterusan memberi sokongan kepada parti PAS untuk kekal memerintah negeri Kelantan walaupun pelbagai agenda dan strategi yang telah dilakukan UMNO Kelantan. Secara umumnya dapatlah dilihat bahawa dalam enam siri Pilihan Raya Umum yang diadakan iaitu bermula pada Pilihan Raya Umum 1990 hingga Pilihan Raya Umum 2013, UMNO Kelantan masih lagi gagal untuk

mengambil alih pemerintahan negeri Kelantan daripada tangan kerajaan PAS. Strategi dan kempen yang dilakukan oleh PAS jauh dilihat lebih berkesan jika dibandingkan dengan strategi UMNO/BN di Kelantan. PAS dilihat berupaya menguasai kelemahan yang terdapat dalam UMNO dan mereka sedaya upaya cuba meyakinkan rakyat bahawa PAS lebih baik dari UMNO. Di Kelantan, UMNO dilihat ketandusan kepimpinan yang berwibawa dan diterima oleh rakyat. Kelemahan dalam organisasi kepimpinan UMNO ini lah yang menjadi teras utama kekalahan UMNO di Kelantan dalam lima pilihan raya yang telah diadakan.

Selain daripada itu, perancangan dalam struktur organisasi mahupun jentera pilihan raya UMNO dilihat turut menjadi punca kelemahan UMNO Kelantan. Sebaliknya jika dilihat dalam parti PAS pula, gerak kerja kuat jentera parti secara berterusan tanpa bayaran disemua peringkat merupakan resepi penting bagi mereka untuk mengekalkan kedudukan mereka untuk mentadbir negeri Kelantan. Kemenangan yang dicapai oleh PAS sehingga berjaya memerintah negeri Kelantan dalam satu tempoh yang lama adalah hasil daripada perpecahan dalaman yang berterusan berlaku dalam UMNO Kelantan sendiri.

Kini sudah tiba masanya untuk UMNO Kelantan lakukan perubahan dalam meneruskan agenda perjuangannya terutama untuk merampas negeri Kelantan dari kerajaan PAS. Perubahan harus dilakukan bagi memastikan dalam pilihan raya akan datang Kelantan menjadi milik UMNO. Situasi ini merangkumi perubahan semua aspek terutama aspek kepimpinan dalam UMNO dan juga gerak kerja yang dilakukan. Dari sudut kepimpinan UMNO, sudah tiba masanya untuk UMNO Kelantan lakukan perubahan dalam aspek kepimpinan.

Selain dari itu juga, perubahan perlu dilakukan dalam aspek pengurusan sama ada di peringkat UMNO negeri mahupun peringkat bahagian. Apa yang dimaksudkan di sini ialah pengurusan dalam menguruskan rakyat. Jika sebelum ini dilihat sekiranya rakyat perlukan bantuan dari pemimpin UMNO, mereka perlu pergi ke pejabat mahupun ke rumah pemimpin tersebut. Ada juga di mana apabila seseorang pemimpin itu ingin menyampaikan bantuan mahupun sumbangan kepada rakyat, pihak UMNO di suatu kawasan itu mengadakan majlis dan mengerahkan rakyat untuk hadir ke majlis tersebut demi untuk mendapat sumbangan sedangkan sumbangan yang diberikan itu tidak setimpal dengan masa dan wang ringgit yang dihabiskan untuk ke majlis tersebut. Dapat dilihat di sini apabila rakyat merasakan apa yang mereka dapat itu tidak berbaloi dengan apa yang telah mereka korbankan.

Hasil dari kajian ini memperlihatkan bahawa bukan satu tugas mudah bagi UMNO Kelantan ingin menumbangkan kerajaan PAS Kelantan. Perkara pertama yang perlu diselesaikan oleh kepimpinan UMNO Kelantan ialah menyelesaikan terlebih dahulu perpecahan dalam parti dan pertelingkahan sesama sendiri bagi memberi satu keyakinan kepada rakyat Kelantan bahawa UMNO Kelantan berada dibawah satu wadah perjuangan bagi membantu rakyat Kelantan. Sekiranya isu ini tidak diselesaikan sampai bila pun UMNO Kelantan dilihat akan gagal untuk menawan negeri Kelantan.

Pilihan Raya Umum 1990 hingga Pilihan Raya Umum 2013 memperlihatkan kekalahan UMNO dalam enam siri pilihan raya di Malaysia. Dalam enam siri pilihan raya tersebut, jelas memperlihatkan bahawa UMNO kalah di Kelantan atas sebab rakyat Kelantan tidak mampu untuk menerima UMNO Kelantan. Pelbagai langkah dan strategi telah dilakukan oleh UMNO Kelantan namun ianya masih gagal untuk menewaskan PAS. Bagi mengembalikan kegemilangan UMNO Kelantan berulang kembali, semua pihak terutama kepimpinan utama UMNO Kelantan dan pusat harus memainkan peranan agar negeri Kelantan diperintah oleh kerajaan pimpinan UMNO. Namun harus diingat, jangan dilupakan kepimpinan UMNO yang yang mempunyai kepimpinan yang karismatik iaitu Tengku Razaleigh Hamzah. Keterlibatan semula beliau mampu membantu UMNO Kelantan memenangi pilihan raya yang akan datang. Kegagalan UMNO di Kelantan tidak wajar diletakkan di atas kenyataan rakyat Kelantan tidak inginkan perubahan. Jawapan tersebut bukanlah

ukuran tetapi isi dan tindakan jenteranya adalah penyumbang. Jati diri rakyat Kelantan tidak boleh diukur dalam konteks politik.

Keupayaan PAS dalam mentadbir Kelantan dalam jangka masa yang panjang perlu dikaji dan dinilai sehabis mungkin. Keengganan rakyat Kelantan dalam menyokong UMNO memberi peluang kepada PAS dalam memenangi pilihan raya yang diadakan. Secara realitinya, PAS dilihat bijak dalam mempamerkan penampilannya sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam dan mereka pandai memujuk rakyat agar terus memberikan kepercayaan kepada mereka untuk terus mentadbir Kelantan. PAS seringkali dilihat memainkan sentimen agama dalam meraih sokongan dari rakyat Kelantan. Kelebihan yang ada di sebelah parti PAS telah menyebabkan pengundi Kelantan berpendapat bahawa mereka perlu mengekalkan kepimpinan PAS walaupun munculnya parti-parti lain di Kelantan. Bagi rakyat atau pengundi Kelantan, hanya dua parti ini sahaja yang mendominasi fahaman politik mereka. Parti-parti lain yang berada di Kelantan hanya sekadar serpihan untuk memeriahkan politik Kelantan.

Nota

¹ Amer Saifudee Ghazali, “*Geografi Politik Dan Pilihan Raya Kelantan*,” Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015, hlm.19.

² Mohd Ali, “*Penaungan dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990*,” Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

³ John C. Maxwell, “*Developing the Leader Within You*,” Harpers Collins, 1993, hlm. 52.

⁴ Yukl G, “*Leadership In Organizations*,” Prentice Hall, Englewood Cliffs, 1981.

⁵ Keesing, “*Trade Unions of the World 1989-1990*,” Longman Group, United Kingdom, 1989.

⁶ Fiedler, “*The Theory of Leadership Effectiveness*,” McGraw-Hill, New York, 1967.

⁷ Mohd Ali Kamaruddin, “*Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990*,” Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

⁸ Ahmad Atory Hussain, “*Politik Melayu di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*,” Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 203-207.

⁹ Mohd Ali Kamaruddin, “*Penaungan dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946- 1990*,” Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

¹⁰ Mohd Zain Saleh, “*Sejarah Umno Kelantan*,” Jawatankuasa Penerangan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1985.

¹¹ Manning Nash, “*Peasant Citizens: Politics Religion and Modernization in Kelantan Malaysia*” Ohio University Centre for International Studies, 1974.

¹² Sivamurugam Pandian, “*Legitimasi Politik: Pengenalan Kepada Kepelbagaian Takrifan*,” Jati, bil 9. 2004, hlm 31-42.

¹³ Robert A. Dahl, “*Who Governs?: Democracy and Power in an American City*,” Yale University Press, 1961.

¹⁴ K Ramanathan, “*Konsep Asas Politik*,” Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm 139-140.

¹⁵ Amer Saifudee, “*Geografi Politik dan Pilihan Raya Kelantan*,” Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015, hlm, 74.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Alias Mohamed, “*Kelantan: Dilema Politik dan Pembangunan*,” Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1975.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Jamaie et all, “*Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia*,” Malaysian Journal of Society and Space 10, hlm 39 – 53, 2014.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Yahya Ismail, “*Krisis Politik Kelantan*,” *Dinamika Kreatif*, 1977.

²² *Ibid.*

²³ Mohammad Agus Yusoff, “*Pilihan Raya Umum 1990: Mengapa rakyat Kelantan Menolak BN*,” Dalam Mohammad Agus Yusoff (pnyt). *Perkembangan dan perubahan sosiopolitik Kelantan 1955-1995*, Penerbit UKM, Bangi, hlm. 51-66.

²⁴ Mohammad Agus Yusoff, “*Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990*,” *Terbitan Tak Berkala, Dunia Melayu* No 13, Penerbit UKM, Bangi, 1994, hlm. 44.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Muhamad Nadzri dan Mohd Faizal Daud, “Pilihan Raya dalam Politik Kelantan 1990 - 2013: Antara Parti, Pemimpin dan Isu,” *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*.vol 43, no2, 2016, hlm, 57.

²⁸ Yusri Yusoff, “*Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*,” Daisi Communications, Kuala Lumpur, 1995.

²⁹ Mustafa Ahmad, “*Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dalam Politik Kelantan*,” Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, 2009, hlm. 14.

³⁰ Norhayati Mohd Salleh, “Pilihan Raya Umum ke 12: Tsunami Politik Melayu,” *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 35: 49. 2008, hlm. 52.

³¹ Mohammad Redzuan Othman, “Kekalahan Dan Kegagalan Barisan Nasional Menawan Kelantan Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12,” Dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor (pnyt), *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*, 2008, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³² Mohd Faiz, Samsu Adabi, Jamaie & Junaidi, “Politik Pilihan Raya: Penolakan Terhadap UMNO di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 2013,” *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 41: 94-125. 2014, hlm. 94.

³³ *Ibid.*

Rujukan

Ahmad Atory Hussain. 2009. *Politik Melayu di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

Alias Mohamed. 1975. *Kelantan: Dilema Politik dan Pembangunan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications and Distributors.

Almond, Gabriel A. & Verba. 1965. *The Civic Culture*. Boston: Little Brown and Company.

Amer Saifude Ghazali. 2009. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Fiedler, F.E. 1967. *The Theory of Leadership Effectiveness*. New York: McGraw-Hill.

Gomez. E T. 1996. *The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary*. Singapore. Institut of Southeast Asian Studies.

Ghazali Mayudin. 1993. Faktor Kesedaran Agama dan Semangat Kenegerian Dalam Pilihan Raya Umum 1990 Di Kelantan. Dlm. *Amalan Politik Malaysia*, disunting oleh Hairany Nafis, 51-69. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamaie Haji Hamil. 2003. “Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO,” *Akademika* 62, no. 1: 17-39.

John C. Maxwell. 1993. *Developing the Leader Within You*. Harpers Collins.

K Ramanathan. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kessler & Clive. 1978. *Islam and Politics In a Malay State: Kelantan 1838-1969*. Ithaca: Cornell University Press.

- Kessler & Clive. 1974. Muslim Identity and Political Behaviour in Kelantan Dlm. *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, edited by William R. Roff. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Keesing. 1989. *Trade Unions of The World 1989-1990*. United Kingdom: Longman Group.
- Manning Nash. 1974. *Peasant Citizens: Politics Religion and Modernization in Kelantan Malaysia*. Ohio University Centre for International Studies.
- Mohd Ali Mohamad. 1975. "Latar Belakang Politik Kelantan dan Penubuhan UMNO," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 5.
- Mohd Ali Kamaruddin. 2004. *Penaungan dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad AgusYusoff. 1994. *Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990. Terbitan Tak Berkala, Dunia Melayu No. 13*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammad AgusYusoff. 2001. "The Politics of Malaysian Federalism: The Case of Kelantan," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 28, 1-24.
- Mohd Faiz, Samsu Adabi, Jamaie & Junaidi. 2014. "Politik Pilihan Raya: Penolakan Terhadap UMNO di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 2013," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 41, 94-125.
- Mohamad Nadzri Mohamad Noor & Mohd Faizal Daud. 2016. "Pilihan Raya Dalam Politik Kelantan 1990-2013: Antara Parti, Pemimpin Dan Isu," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 43, 51-73.
- Mohammad Redzuan Othman. 2008. "Kekalahan dan Kegagalan Barisan Nasional Menawan Kelantan Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12," Dlm Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mustafa Ahmad. 2009. *Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dalam Politik Kelantan*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM
- Norhayati Mohd Salleh. 2008. "Pilihan Raya Umum ke 12: Tsunami Politik Melayu," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 35, 49-64.
- Robert A. Dahl. 1961. *Who Governs?: Democracy and Power in an American City*. Yale University Press.
- Sivamurugam Pandian. 2004. *Legitimasi Politik: Pengenalan Kepada Kepelbagaian Takrifan*. Jati Bil 9., 31-42.
- Yusri Yusoff. 1995. *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daiisi Communications.
- Yahya Ismail. 1977. *Krisis Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.